



RELEVANKAH ISLAM DALAM Perlembagaan Persekutuan

Kita ambil kisah kontroversi yang teretus apabila berita tentang kedatangan pendakwah antarabangsa, Dr. Zakir Naik ke Melaka telah disekat oleh pihak berkuasa dengan alasan demi menjaga ketenteraman awam dan sensitiviti agama di Malaysia. Kehadirannya untuk menyampaikan ceramah bertajuk 'Persamaan Antara Hinduisme dan Islam' mendapat bantahan daripada Barisan Bertindak Hak Penganut Hindu (Hindraf). Namun atas beberapa sebab, akhirnya Dr. Zakir Naik telah dibenarkan kembali memberi ceramah yang mana tajuknya diubah kepada Islam- Problems and Solutions To Humanity dan majlis tersebut telah dihadiri kira-kira 30,000 hadirin.

Isu itu sebenarnya tiba-tiba membuka mata masyarakat kita tentang undang-undang Malaysia. Mengapa majlis-majlis keagamaan sebegini ditentang sedangkan majlis-majlis hiburan yang ada kalanya tidak dibongkar isi dalamnya yang terang-terangan menunjukkan wujudnya 'kesesatan'? Adakah perlu perkara sebegini dikupas kembali kerana seperti sudah sedia maklum bahawa kerangka keislaman telah wujud di dalam Perlembagaan Persekutuan. Masih relevanlah Islam dalam Perlembagaan Persekutuan atau bolehkah ia diubah?

Al Islam bertemu dengan Fellow Utama, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM, Prof. Madya Dr. Shamrahayu A. Aziz untuk

mengupas dengan lebih lanjut topik ini. "Sudah tentu Perlembagaan boleh diubah! Semua peruntukan Perlembagaan boleh diubah sekiranya menepati prosedurnya. Namun apa yang menjadi persoalannya, adakah kita boleh mengubah struktur asas yang dijadikan prinsip asas kepada pembentukan dan pembinaan negara sebagaimana yang menjadi terma dalam penggabulan Perlembagaan. Misalnya, bolehkah kita mengubah Perlembagaan? dengan memansuhkan sistem demokrasi? Atau bolehkah kita mengubah sistem beraja?"

"Sekiranya kita lihat kepada hari-hari Perlembagaan, tiada apa pun yang termaktub dalam Perlembagaan itu yang kita tidak boleh ubah, semuanya boleh diubah. Tetapi ia haruslah dengan

persetujuan majoriti iaitu peruntukan dua per tiga majoriti atau sesetengah peruntukan dengan perkenan raja-raja. Adakah kita boleh mengubah peruntukan berkaitan Islam? Di dalam negeri-negeri, Islam tetap agama untuk negeri dan raja mesti beragama Islam.

"Jika rakyat tidak mahu Islam sebagai agama mereka, mereka boleh pinda dengan memenuhi proses demokrasi. Akan tetapi selagi ada raja, raja tidak boleh memeluk agama lain selain beragama Islam. Itulah sebabnya raja adalah ketua agama Islam. Selain itu kesan pindaan tersebut dari segi sosiologi, politik dan keselamatan juga perlu diambil perhatian.

"Sekiranya kita membuat pindaan tersebut bermakna kita telah membuat revolusi. Untuk ketika ini revolusi tidak perlu kepada Malaysia. Tetapi, sekiranya kita tidak betul-betul menjaga elemen-elemen penting ini, revolusi itu tidak mustahil.

"Menegenai keistimewaan dan kedudukan Melayu Islam ini, saya kata Melayu dan Islam adalah elemen watan yang diterima dalam Perlembagaan dan Melayu hendaklah sentiasa beragama Islam. Malah jika diikut definisi Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia. . . orang Melayu maksudnya orang yang beragama Islam, mengamalkan adat Melayu, berbahasa Melayu dan berkata Melayu," terangnya.

MELAYU MURTAD

Hidup di dalam negara yang diiktiraf negara Islam itu bukan bermakna kita terlepas daripada isu murtad. Tegus Dr. Shamrahayu, dari segi amalan ada orang Islam yang murtad akan tetapi ia tidak boleh disahkan secara undang-undang. Bagi orang yang murtad status agama mereka tidak boleh ditukar sewenang-wenangnya jika tidak mendapat kebenaran dari mahkamah. Mereka boleh menukar nama di dalam kad pengenalan tetapi untuk menukar status agama, mereka perlu mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa agama.

Tetapi harus diingat bahawa ia bukan proses yang mudah. Semua keputusan adalah di dalam tangan

pihak mahkamah. Walaupun ia tidak menyekat pihak mahkamah mengeluarkan surat kebenaran itu, tetapi lazimnya mahkamah akan memberi ruang dan peluang terlebih dahulu kepada individu terbabit untuk memulihkan akhlak dan akidah mereka. Keputusan mahkamah dalam perkara ini sangat jelas.

Andai kata individu terbabit tetap dengan pendiriannya, mahkamah masih boleh tangguhkan. Tetapi hendaklah diketahui bahawa semuanya bergantung atas budi bicara mahkamah itu sendiri.

Jika sudah tidak lagi beragama Islam, adakah masih layak untuk menerima hak-hak istimewa seperti Melayu yang beragama Islam? Terang Dr. Shamrahayu, secara amnya individu terbabit tidak lagi layak untuk mendapat hak keistimewaan Melayu yang ada.

Kenapa ada kedudukan Melayu dan Islam? Ini kerana ia sudah berakar umbi daripada sejarah negara dan persetujuan semasa kemerdekaan untuk kita sebuah negara yang berasaskan kepada elemen watan. Malah ia juga di jaga dengan adanya peruntukan Perlembagaan yang jelas dan adanya polisi-polisi negara.

PENTINGNYA KUASA POLITIK

Kemudian soalan dilontarkan lagi, pelaksanaan Perlembagaan perlu kepada kekuatan politik pemerintah? Ibaratnya siapa yang kuat akan menang dan mampu menggubal Perlembagaan baru.

Menegenai hal itu, Dr. Shamrahayu menekankan bahawa pelaksanaan Perlembagaan amat memerlukan kuasa politik. Tanpa kuasa politik, suatu pelaksanaan Perlembagaan tidak boleh dilakukan dengan baik.

Namun ada syaratnya. Perkara utama yang perlu difahami adalah pengasingan antara politik kepartian atau politik kepentingan dengan pelaksanaan



undang-undang, sama ada undang-undang berkaitan agama Islam atau pelaksanaan peruntukan Perlembagaan itu sendiri. Pelaksanaan Islam yang ada dalam Perlembagaan atau apa jua sistem yang diamalkan, hendaklah tidak boleh menunjukkan ia semata-mata untuk kepentingan parti politik.

"Di dalam isu ini, perlu dilihat dua perkara iaitu kekuasaan dan kepentingan parti politik. Peruntukan Perlembagaan sama ada mengenai Islam atau perkara-perkara lain, haruslah dilaksanakan dengan kuasa politik, tetapi bukan semata-mata untuk kepentingan parti politik. Pelaksanaan semua perkara dalam kerangka Perlembagaan Negara adalah demi kepentingan negara dan bukannya pihak tertentu atau individu.

"Jadi, adakah campuran parti politik itu menyebabkan ketegangan dalam pelaksanaan Islam? Perlu lihat bagaimana cara ia dilakukan. Sekiranya ia dilakukan untuk kepentingan politik atau individu politik, maka tidak mustahillah ia akan mendatangkan ketegangan.

"Akan tetapi jika parti politik itu memberikan sumbangan kepada pelaksanaan Islam bukan untuk kepentingan parti atau individu politik sebaliknya demi kepentingan negara, bagi saya ia satu kebaikan dalam pelaksanaan kerangka keislaman Perlembagaan itu," ujar Dr. Shamrahayu.

Selain itu, dia juga turut memberi penekanan bahawa sebenarnya kuasa politik itu penting tetapi pelaksanaannya haruslah demi kepentingan negara dan apa juga kerangka keislaman yang ada dalam Perlembagaan. A